

**829 NELAYAN DAPAT ELAUN SARA HIDUP
WARTAWAN SINAR HARIAN
5 DISEMBER 2016**



Gambar Hiasan

KUANTAN - Seramai 829 daripada 1,700 nelayan sungai di Pahang menerima elaun sara hidup RM200 sebulan disediakan kerajaan bagi meringankan beban mereka.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Adnan Hussain berkata, elaun sara hidup untuk nelayan sungai mula diperkenalkan pada 2014 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang prihatin dengan nasib golongan.

Menurutnya, walaupun nelayan sungai yang berdaftar di negeri ini seramai 1,700 orang namun hanya 829 saja menerima elaun sara hidup kerana sumber pendapatan mereka bergantung kepada hasil ikan dan udang.

“Jabatan menerima banyak permohonan elaun sara hidup namun pihaknya tidak dapat membantu kerana kelulusan hanya diputuskan jawatankuasa khas di Putrajaya.

“Pendapatan nelayan sungai boleh bertambah jika mereka mempelbagaikan usaha seperti menjalankan projek ternak ikan sangkar, ternakan ayam, berniaga dan berkebun.

“Mereka tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan walaupun harga ikan dan udang sungai lebih tinggi dua hingga tiga kali ganda berbanding hasil laut,” katanya.

Adnan berkata, harga beberapa jenis ikan sungai seperti kelah, kerai, patin buah dan baung antara RM20 hingga RM200 sekilogram, mampu memberi pendapatan lumayan kepada nelayan di sungai utama di negeri ini.

Katanya, untuk menambah jumlah ikan sungai, pihaknya mengadakan program pelepasan di perairan umum membabitkan semua sungai utama di negeri ini dan sebanyak 1.2 juta pelbagai benih ikan dilepaskan tahun ini.

“Antara benih ikan dilepaskan adalah kelah, baung, lampam sungai, patin, kerai, temoleh dan ketutu. Dengan adanya program pelepasan itu diharap jumlah ikan di sungai utama di negeri ini terus bertambah.

“Saya juga harap masyarakat beri kerjasama melaporkan kepada jabatan apabila mengetahui aktiviti menyalahi undang -undang seperti menuba dan menggunakan arus elektrik,” katanya.

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/829-nelayan-dapat-elaun-sara-hidup-1.594730>